

Timbalan Setia mungkin dibubar

KUALA LUMPUR: Pasukan tentera 'Timbalan Setia' yang berkhidmat terus kepada Sultan Johor mungkin dibubarkan kerana ada tanda-tanda pasukan itu disalahgunakan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, perkara itu sedang dikaji dengan mendalam untuk membolehkan sebarang pembubaran dilakukan.

Menurut beliau, pasukan itu ditubuhkan pada zaman penjajahan British lagi dan dengan itu, ia sebenarnya adalah pasukan untuk adat istiadat semata-mata.

"Bagaimanapun, kita

BM 13 DEC 1992
menerima maklumat bahawa pasukan itu terbabit dalam kegiatan yang di luar tugas asalnya," kata Dr Mahathir.

Beliau menjawab soalan pemberita dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN), di Pusat Dagingan Dunia Putra di sini, semalam.

Mesyuarat sejam itu diadakan khusus untuk membincangkan masalah berkaitan peristiwa jurulatih Maktab Sultan Abu Bakar, Douglas Gomez didakwa dipukul Sultan Johor 30 November lalu.

Pasukan tentera Johor itu masih kekal sekarang

dan ia boleh dibubarkan jika Dewan Undangan Negeri Johor memansuhkan undang-undang berkenaan.

Ahli Parlimen Pasir Mas, Ibrahim Ali ketika membahaskan usul Raja Berperlembagaan di Dewan Rakyat Khamis lalu, meminta Kementerian Pertahanan mengkaji semula kewujudan pasukan tentera yang berkhidmat terus kepada Sultan Johor itu.

Kepada soalan lam, Dr Mahathir berkata, pada masa ini tidak timbul sebarang masalah pentadbiran di antara Pusat dan negeri (berkaitan pindaan Perlembagaan).